

No. Ruj. : USM.65/9 Jld.CXL

Tarikh : 23 Ogos 2022

Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia (USM)

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 32/2022

- MAKLUMAT PERKHIDMATAN LEPAS DI AGENSI LUAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan, pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM) berperanan melaksanakan proses pengemaskinian rekod perkhidmatan lepas bagi kes-kes pelantikan dari agensi luar USM. Rekod ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti maklumat perkhidmatan lepas di agensi kerajaan yang boleh diambil kira bagi tujuan pengiraan faedah persaraan dan rekod perkhidmatan lepas staf akademik di agensi swasta sebagai rekod akreditasi *Malaysia Research Assessment* (MyRA) dan penarafan SETARA.

3. Untuk memastikan urusan pengemaskinian maklumat rekod perkhidmatan lepas ini dilaksanakan dengan teratur dan dokumen yang lengkap, kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan diminta untuk menyemak rekod perkhidmatan yang dipaparkan pada bahagian Perkhidmatan Lepas Di Luar USM (Campus Online SMU-S). **Sekiranya terdapat maklumat perkhidmatan lepas yang masih belum dilaporkan atau perlu dikemas kini, sila isikan maklumat tersebut di pautan ini <https://forms.office.com/r/QSee44NLk8> untuk tindakan Bahagian ini selanjutnya.**

4. Sehubungan ini, jika terdapat sebarang dokumen berkaitan rekod perkhidmatan lepas yang berada dalam simpanan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan, sukacita untuk menyerahkan dokumen asal berkenaan kepada Bahagian ini dan sesalinan dokumen-dokumen terlibat kepada PTJ masing-masing.

5. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan dalam hal ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

s.k. Pendaftar

MAMS/NAR/NAZ/hebahanperkhidmatanlepas

Tel. : 04 653 6070/6071 ; Faks : 04 653 4315 ; E-Mel : azizudin@usm.my ; Web : bsm.usm.my